



**PERUTUSAN  
DYMM YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN  
DARUL KHUSUS  
SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA 1442H**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Pada tahun 1442 Hijri ini, Hari Raya Aidiladha disambut pada 20 Julai 2021 Masihi. Kebiasaannya umat Islam dari seluruh dunia akan berkumpul di tanah suci Mekah untuk menunaikan fardhu haji, rukun Islam yang ke-5. Di samping itu, semua umat Islam digalakkan untuk menunaikan solat sunat Aidiladha dan juga disunatkan menyembelih binatang korban, yang kedua-duanya sudah menjadi budaya dan amalan dalam menyambut Hari Raya Aidiladha.

Namun dunia masih memerangi jangkitan wabak Covid-19 untuk tahun kedua berturut-turut. Usaha untuk memutuskan rantai jangkitan wabak ini menyebabkan fardhu haji sekali lagi terpaksa ditangguhkan. Kerajaan Arab Saudi telah menghadkan jemaah yang boleh menunaikan fardhu haji kepada 60,000 orang penduduk Arab Saudi yang telah divaksin sahaja, sedangkan kebiasaannya seramai lebih 2 juta umat Islam dunia berada di tanah suci pada waktu ini.

Di Negeri Sembilan, beberapa langkah dan peraturan telah diperkenalkan untuk mengelakkan rakyat melakukan aktiviti perhimpunan. Solat sunat Aidiladha hanya dibenarkan dibuat mengikut peraturan solat fardhu

Jumaat yang sedia ada. Sementara bagi Daerah Seremban yang masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), pelaksanaan solat di masjid tidak dibenarkan langsung. Juga untuk mengelakkan orang ramai berkumpul semasa melakukan aktiviti penyembelihan dan penyediaan daging korban, ibadat sunat korban pada tahun ini tidak dibenarkan.

Beta yakin semua penduduk Negeri Sembilan memahami tujuan langkah-langkah ini diambil dan menyeru agar semua bersabar dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Ianya adalah demi menjaga keselamatan diri sendiri, keluarga yang dikasihi dan masyarakat. Kita seharusnya mengambil pengajaran daripada apa yang berlaku di negara-negara lain yang mengalami peningkatan semula yang mendadak kes positif covid-19 setelah memberi kelonggaran untuk melakukan aktiviti yang melibatkan orang ramai berhimpun. Untuk makluman semua, ketua-ketua agama bukan Islam di Negeri Sembilan sudah bersetuju untuk menggunakan arahan yang diberi kepada aktiviti perhimpunan Islam sebagai panduan untuk melaksanakan aktiviti keagamaan mereka. Beta amat menghargai keperihatinan mereka dalam perkara ini.

Beta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kepimpinan Kerajaan Negeri, petugas kesihatan, pasukan keselamatan, penjawat awam, pihak swasta dan semua rakyat Beta yang terlibat dalam memerangi wabak Covid-19. Ada antara mereka yang perlu bertugas pada Hari Raya ini. Beta juga amat menghargai bantuan yang diberikan oleh para dermawan dan sukarelawan yang menyediakan dan mengagihkan makanan dan keperluan asas kepada sesiapa sahaja yang memerlukan.

Mengakhiri titah, Beta dan Tunku Ampuan Besar serta keluarga, mendoakan seluruh rakyat negeri ini sentiasa berada di bawah perlindungan Allah SWT serta terus kekal aman makmur, dijauhi daripada sebarang musibah dan bencana.

Wabillahi taufiq wal hidayah.

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.